

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB DATUK DR. EWON EBIN [ RANAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebagaimana yang digariskan dalam RMKe-11 mengenai dengan pemberian hak milik tanah adat, berapakah dana bantuan penyukatan tanah NCR yang telah diberikan kepada negeri Sabah serta keluasan tanah yang telah disukat setakat ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), **sejumlah RM65.7 juta** telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran Tanah Hak Adat (*Native Customary Rights-NCR*) Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, peruntukan sebanyak RM25.7 juta disalurkan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) iaitu bermula daripada tahun 2011 sehingga tahun 2014, manakala peruntukan sebanyak RM40 juta lagi disalurkan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) iaitu masing-masing sebanyak RM10 juta pada tahun 2014 dan sebanyak RM30 juta pada tahun 2015. Sehingga 15 Oktober 2015, jumlah luas kawasan yang telah diukur adalah sebanyak **22,720.70 hektar** (56,144.07 ekar).